

# UITM HARI INI DALAM SEJARAH

## 29 NOVEMBER 1984

### KONVENSYEN GRADUAN INSTITUT TEKNOLOGI MARA(ITM)

Pada hari ini 29 November 1984, Konvensyen Graduan Institut Teknologi MARA (ITM) bertemakan "Menyahun Cabaran 1990" dirasmikan oleh Menteri Pelajaran YB Datuk Haji Abdullah Haji Ahmad Badawi di Kampus Induk ITM, Shah Alam. Konvensyen selama 2 hari ini dianjurkan oleh Alumni ITM bertujuan membincangkan dan mengenalpasti masalah-masalah graduan ITM yang bertaburan di seluruh negara dalam jumlah melebihi 20,000 orang.


Konvensyen ini juga cuba meninjau dan mengenalpasti sumbangan yang dapat dimainkan oleh para graduan ITM dalam pembangunan negara serta peranan mereka di dalam memajukan ekonomi bumiputera. Konvensyen ini

dihadiri oleh 300 orang peserta terdiri daripada graduan-graduan ITM dan para pensyarah. Beberapa tokoh akademik dan korporat bumiputera membentangkan kertas kerja merangkumi berbagai tema sesuai dengan tema Konvensyen ini sendiri.


Dalam ucapannya Menteri Pelajaran menyeru para lepasan ITM agar membuktikan potensi sebagai pekerja atau usahawan yang memenuhi kriteria yang dikehendaki oleh majikan, bangsa dan negara. Mereka hendaklah menjadi individu penyambung usaha dan hasrat ITM untuk memastikan kaum bumiputera benar-benar berjaya sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru.



Atur cara Konvensyen



Gambar ITM Tahun 1984



Gambar Aktiviti di ITM

#### Rujukan:

Konvensyen Graduan ITM 1984 : " Menyahun Cabaran 1990".  
(1984, November 29 - 30). ALUMNI Institut Teknologi MARA, p. 12.

<https://hariinidalamsejarah.com/peristiwa/detail/5567-konvensyen-graduan-institut-teknologi-mara-itm-.html>

EDISI NOVEMBER